



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN GERAI SEMENTARA
PROJEK NAIKTARAF KOMPLEKS MAKANAN
LEBUH TENGGIRI, SEBERANG JAYA,
SEBERANG PERAI TENGAH

OLEH

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
15 DISEMBER 2018 (SABTU)
3.50 PETANG

TAPAK KOMPLEKS MAKANAN LEBUH TENGGIRI,
SEBERANG JAYA, SPT

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani,
Pembangunan Luar Bandar Dan Kesihatan

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod

Puan Setiausaha Perbandaran

Ketua-Ketua Jabatan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

.....

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi ini dalam Majlis Perasmian Gerai Sementara Projek Naiktaraf Kompleks Makanan Lebuh Tenggara, Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah.

Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar Dan Kesihatan; Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, penduduk-penduduk setempat dan semua yang hadir kerana sudi melapangkan waktu di hujung minggu untuk bersama-sama dengan kita menjayakan program pada pagi ini.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Majlis Perbandaran Seberang Perai mensasarkan untuk menjadi sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang Tahun 2022. Pelbagai usaha telah diketengahkan untuk mencapai Seberang Perai yang “Resilient, Inklusif, Hijau dan Berdaya Saing”. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) juga komited untuk melaksanakan wawasan Negeri Pulau Pinang yang dinyatakan dalam *Penang 2030* (Pulau Pinang 2030), iaitu “*A Family-Focused Green and Smart State*” (Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga). Wawasan ini memberi tumpuan kepada kepada empat (4) objektif utama iaitu meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk; mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasa rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat sivil dan pelaburan Kerajaan Negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan.

Oleh itu, program pagi ini adalah salah satu usaha Kerajaan Negeri dan MPSP dalam mengembangkan saiz ekonomi dan meningkatkan taraf hidup dan kualiti setempat. Dengan ini, jelaslah bahawa *Penang 2030*

adalah suatu gagasan berwawasan, realistik, praktikal dan berpaksikan rakyat.

Sebelum ini, kita dapat lihat gerai makanan sedia ada di sini didapati telah usang, kurang selesa dan perlu kepada penambahbaikan. Justeru, MPSP melihat ianya adalah satu keperluan untuk menaiktaraf kompleks makanan ini dan bersetuju untuk memberikan peruntukan sepenuhnya oleh MPSP. Apa yang Kerajaan Negeri dan MPSP inginkan ialah keselesaan kepada peniaga untuk berniaga dan memberikan perkhidmatan dalam layanan terbaik kepada orang awam yang berkunjung untuk menjamu selera di sini. Ini sejajar dengan menjadikan MPSP sebuah organisasi yang berpaksikan rakyat atau "*People Centric Organization*" dan MPSP juga telah mengisytiharkan Bajet MPSP 2019 pada tahun hadapan bertemakan *People Centric Budget*.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

MPSP sentiasa komited untuk melaksanakan projek-projek untuk kebaikan dan kemudahan masyarakat. Cadangan menaiktaraf Kompleks Makanan Lebuh Tenggiri, Seberang Jaya, SPT ini menelan belanja

sebanyak RM506,000.00 dan projek ini telah mula pada 1 Oktober 2018 yang lalu dan akan siap pada 27 Jun 2019. Ia mengambil masa selama sembilan (9) bulan. Antara kerja-kerja yang akan dilaksanakan ialah menyediakan gerai sementara, kerja-kerja meroboh sebahagian struktur sedia ada dan kerja-kerja pembinaan gerai baru. Gerai sementara peniaga akan ditempatkan di lokasi kaki lima jalan hadapan gerai sedia ada. Ini bermakna perniagaan masih dapat berjalan seperti biasa dan pengunjung masih boleh menikmati juadah-juadah yang dijual.

Sebanyak 14 unit gerai baru akan di bina dan di sediakan dan satu (1) ruang makan terbuka. Sebanyak 11 unit gerai akan diisi oleh peniaga sedia ada dan terdapat tiga (3) lagi kekosongan gerai. Saya ingin menghebahkan kepada sesiapa yang berminat boleh menghubungi Jabatan Pelesenan MPSP untuk menyewa tapak gerai tersebut setelah ianya siap dibina tahun hadapan dengan kadar RM84.00 sebulan sekiranya berjaya melalui temuduga. Selain itu, kemudahan awam seperti tandas lelaki, perempuan dan Orang Kurang Upaya juga disediakan. Oleh itu, saya berharap agar Kompleks Makanan Lebuh Tenggiri ini akan dijaga dengan sebaiknya oleh peniaga dan pengunjung.

Di harap para peniaga dapat memastikan minyak masak atau sisa-sisa buangan organik tidak dibuang sewenangnyanya ke dalam longkang atau

kawasan kompleks makanan tersebut. Peniaga dan pengunjung juga diminta menjaga kebersihan tandas dan kawasan sekitar kompleks. Sama-samalah kita menjadi warga yang bertanggungjawab. Sayangi Seberang Perai dan peliharalah kemudahan-kemudahan yang telah disediakan.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Mari saya imbas sejenak, kemudahan-kemudahan dan program yang telah dibangunkan dalam kawasan Seberang Jaya ini sepanjang tahun 2018. Antaranya ialah:

- i. Trek *jogging* berlampu bersebelahan Sg. Pertama, Seberang Jaya yang telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang pada 18 Oktober 2017 dan fasa ke dua pemasangan telah dirasmikan pada 15 Januari 2018.
- ii. Naiktaraf pencahayaan lampu trek *jogging* di Taman Tunku yang telah siap dilaksanakan pada 30 Mac 2018 dan telah dirasmikan pada 17 April 2018 oleh mantan Ketua Menteri Pulau Pinang.

- iii. Kedua-dua lokasi trek *jogging* berlampu ini sentiasa dikunjungi oleh 500 hingga 1,000 pengunjung setiap hari yang sentiasa menggunakan kemudahan yang telah disediakan di dalam kawasan ini. Dengan adanya kemudahan ini, dapat memberikan keselesaan kepada pengunjung untuk beriadah.

- iv. Saya ingin maklumkan juga Program *Car Free Morning* MPSP diadakan pada setiap Ahad minggu pertama setiap bulan di Seberang Jaya bermula dari jam 8.00 pagi hingga 12 tengah hari. Antara aktiviti pengisian program ialah senam aerobik, zumba, yoga, sukan jalanan, pemeriksaan kesihatan, *busking*, persembahan kebudayaan, jualan barangan *upcycle*, aktiviti kitar semula dan perkhidmatan MPSP. Program-program yang disediakan ini akan mengikut tema.

- v. MPSP dalam Strategi *Care For Elderly* telah menyediakan kemudahan pemeriksaan kesihatan percuma kepada warga emas. Kemudahan pengangkutan percuma telah disediakan untuk membawa warga emas untuk menjalani pemeriksaan kesihatan semasa program *Car Free Morning* di Seberang Jaya. Selain menjalani pemeriksaan kesihatan, mereka djuga dibawa berjalan-jalan melihat program-program yang diadakan. Pemeriksaan kesihatan ini dibuat dengan kerjasama LPPKN dan Hospital KPJ.

- vi. MPSP telah menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang pertama di Malaysia yang mewujudkan *Upcycle Park* di Bandar Perda yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang pada 10 Mac 2018 dan *Upcycle Park* ini juga adalah taman kitar semula yang pertama di Malaysia dan boleh dikatakan sentiasa taman ini dikunjungi oleh penduduk setempat dan pengunjung luar negeri dan negara. Saya ingin menjemput semua untuk melawat *Upcycle Park* ini.

- vii. MPSP juga telah menyediakan laluan berbasikal sepanjang 1,175 meter dengan kelebaran 1.5 meter di sepanjang Rizab Parit Monsun, Jalan Perda Barat, Bandar Perda sehingga Jalan Permatang Pauh, bersebelahan Politeknik Seberang Jaya. Dengan adanya laluan basikal ini dapat menggalakkan kempen “*Cycle To Work*” kepada penduduk sekitarnya.

Pada petang ini juga akan diadakan Majlis Perasmian Laman Fotografi yang akan disempurnakan di Taman Rekreasi Awam Sembilang, Seberang Jaya, SPT pada pukul 5.00 petang ini. Laman Fotografi ini juga merupakan inisiatif Kerajaan Negeri untuk mewujudkan lebih banyak lagi Kawasan Hijau di Seberang Perai di samping memenuhi kehendak penduduk yang inginkan satu kawasan untuk mereka beriadah dan

bersosial. Selain itu, laman fotografi ini juga amat sesuai bagi pasangan yang baru berumah tangga untuk mengambil gambar kahwin, *selfie* atau *wefie* .

Selain itu, terdapat beberapa projek yang masih berjalan di kawasan Seberang Jaya ini iaitu Projek Menaiktaraf Kompleks Makanan Lengkok Tenggara yang akan dilaksanakan dengan anggaran kos RM1,170,000.00 dan masih dalam proses pindaan reka bentuk. Di samping itu, Projek Pembinaan Pasar Awam Tenggara Seberang Jaya juga antara projek yang terbesar di Seberang Jaya dengan menelan kos sebanyak 19.5 juta yang akan mengambil masa dua (2) tahun lagi untuk disiapkan. Walau bagaimanapun, kerja-kerja masih belum bermula.

Dengan semua usaha-usaha yang disenaraikan di atas, menunjukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MPSP sentiasa mementingkan kemudahan dan kepentingan rakyat. Saya memohon agar tapak sementara ini dan Kompleks Makanan yang bakal dibina ini dapat dijaga dengan baik oleh peniaga, pengunjung dan penduduk setempat. Jadilah mata-mata MPSP, laporkan sekiranya ada berlaku sebarang masalah vandalisme, kecurian atau kebocoran dan pembuangan sampah daripada pihak yang tidak bertanggungjawab agar tindakan dapat diambil ke atas mereka.

Laksanakan pengasingan sisa di punca. Ingatlah tuan-tuan dan puan-puan, kemudahan ini adalah hak milik kita bersama.

“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan” atau **“Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow”** dapat direalisasikan sekiranya semua masyarakat memainkan peranan masing-masing dengan sebaiknya. Sekali lagi, terima kasih kepada semua yang telah menjayakan projek naik taraf ini khususnya kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YB EXCO, Ahli-Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan MPSP, penduduk-penduduk dan semua hadirin dan hadirat. *“Sayangi Seberang Perai, Pelihara Keindahannya”*.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.